

22/01/2005

Kerajaan cari jalan terbaik

CADANGAN tambatan ringgit Malaysia pada kadar RM3.80 berbanding satu dolar Amerika berkuatkuasa sejak September 1998, dikaji semula semakin lantang disuarakan akhir-akhir ini terutama berikutan kelemahan dialami dolar AS itu. Selain pakar ekonomi asing, kelmarin bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menguatkuasakan tambatan itu sendiri mengesyorkan perkara yang sama. Sebab utama desakan itu dibuat adalah kerana negara mengalami kerugian akibat kejatuhan nilai mata wang AS sedang ekonominya tidak begitu stabil.

Namun seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Menteri Kewangan, tambatan ringgit itu hanya akan dikaji semula apabila keadaan benar-benar memerlukannya. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop pula menarik perhatian kadar tambatan itu bukanlah tetap dan boleh dikaji semula jika ia adalah untuk kebaikan negara. Itupun, dalam membuat keputusan itu kerajaan akan mengambil kira pandangan pelbagai pihak selain turut sama mengkaji kedudukan dan kekuatan banyak mata wang serta kestabilan kadar tukaran mata wang kita berbanding rakan dagangan utama kita. Jelas bahawa dalam menimbang isu ini kerajaan akan mengkaji semua kemungkinan dan mencari penyelesaian terbaik demi kepentingan negara.

(END) Source : Berita Harian